

08 MAR 1998

Tajol - Pendatang

PENGHANTARAN PULANG PENDATANG DISEGERAKAN

MELAKA, 8 Mac (Bernama) -- Pendatang tanpa izin yang ditahan akan dihantar pulang secepat mungkin kerana selagi dalam tahanan, kos menanggung mereka akan bertambah, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali.

Katanya arahan itu dikeluarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

"Kita tak perlu tempat (menahan mereka) lebih banyak kerana kalau lambat hantar, kos untuk menanggung mereka sehari (seorang tahanan) mungkin RM10 atau lebih," katanya kepada pemberita di sini selepas menghadiri mesyuarat agung Umno Cawangan Permatang Punggur dalam Bahagian Kota Melaka. Beliau ditugaskan oleh Majlis Tertinggi parti memerhati mesyuarat dalam bahagian itu.

Tajol Rosli berkata kos RM10 itu meliputi aspek pengawasan, makan dan minum, tempat tinggal dan lain-lain, dan sekiranya pendatang itu ditahan selama tiga bulan misalnya, bermakna ia melibatkan satu kos yang tinggi.

Ketika ditanya berapa cepat proses penghantaran pulang itu boleh dilakukan, beliau berkata: "Kalau boleh dalam tempoh dua minggu sahaja."

Beliau berkata kos penghantaran pulang pendatang Indonesia yang dahulunya ditampung bersama, kini menjadi agak sukar dilaksanakan kerana negara itu teruk dilanda masalah ekonomi.

"Kalau dahulu kita kongsi kos sebanyak RM208 menghantar balik seorang pendatang antara Malaysia dan Indonesia tetapi kini agak susah bagi pihak tentera Indonesia menghantar kapal untuk bawa balik pendatang itu," katanya.

Bagi pendatang dari Bangladesh pula, urusan menghantar pulang mereka lebih tinggi iaitu sebanyak RM720 seorang.

"Kerajaan akan cuba mendapatkan kerjasama daripada pihak yang mempunyai pengangkutan supaya pendatang yang ditahan dihantar balik dengan cepat," katanya.

Tajol Rosli berkata oleh kerana semakin banyak pendatang memasuki negara ini akhir-akhir ini, proses penghantaran balik juga perlu dipertingkatkan.

Sebanyak 5,000 pendatang telah dihantar pulang pada bulan Januari dan 3,500 lagi pada bulan lepas.

Mengenai penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap mereka yang terlibat dengan kegiatan membawa masuk dan melindungi pendatang tanpa izin di negara ini, Tajol Rosli berkata, ia kerana perbuatan itu mengancam keselamatan negara. -- BERNAMA

NO MAI